

Latihan PDPR

Kesusasteraan Melayu Komunikatif



SP 1.2.4

Mengenali dan memahami prosa moden (novel, cerpen, drama)

Nama:

Arahan: Lengkapkan jadual berikut dengan jawapan yang sesuai berdasarkan cerpen Rindu Seorang Rafik yang telah anda baca.

Bil.	Peristiwa	Soalan dan Jawapan
1.	Aku masih teringat semasa kami berbual secara online. Rosa begitu bersemangat sekali mempertahankan negaranya.	Teknik plot:
2.	"Pedra Branca milik Singapura!" tegasnya. "Panggillah Pulau Batu Putih itu dengan nama apa sekalipun tetap seketul batu yang timbul dari permukaan laut dan berada lebih dekat dengan Teluk Ramunia berbanding Singapura."	Teknik plot:
3.	E-mel baharu yang terakhir menerjah pandanganku. Aku klik e-mel itu tanpa memperdulikan yang lain biarpun ada e-mel daripada Ketua Pengarang.	Teknik plot:
4.	Aku tidak mahu tersilap lagi. Aku ingin memohon maaf pada Rosa. Aku sudah terbiasa dan terlatih untuk menjadi seorang yang berterus terang. Aku punya amanah yang perlu disampaikan kepada setiap warga watanku.	Teknik plot:
5.	"Fik, ada tugas untukmu," ujar Ketua Pengarang. Aku terima tanpa banyak soal.	Nilai murni:

Bil.	Peristiwa	Soalan dan Jawapan
6.	Ketika pesawat Singapore Airlines itu mendarat dengan selamat di Lapangan Terbang Changi, aku mengucapkan syukur berkali-kali. Aku belum bersedia untuk menjadi statistik mangsa kemalangan udara seperti yang berlaku di Taiwan ketika pesawat dari syarikat penerbangan ini meletup di landasan.	Nilai murni:
7.	Sesak nafasku seketika. Aku nyaris kehabisan ikhtiar. Tetapi aku terus berpegang pada prinsip selagi ada kemahuan jalan keluarnya pasti akan datang.	Nilai murni:
8.	Seandainya engkau di sini Rosa, mahu sahaja <u>aku</u> berkongsi kegembiraan ini denganmu. <u>Aku</u> pulang ke hotel sendirian. Apakah erti sebuah kegembiraan apabila tiada teman di sisi untuk sama-sama menghirupnya. Oh, Tuhan! Sesungguhnya <u>aku</u> amat merindui Rosa. Rafik yang telah mendera keutuhan persahabatan ini.	Sudut pandangan:
9.	Selirat yang melingkari <u>ruang kekeliruan</u> lantas memisahkan aku jauh daripadanya.	Gaya bahasa: ☆
10.	Aku terima tanpa banyak soal. Ketika pesawat mendarat dengan selamat di Lapangan Terbang Changi, aku mengucapkan syukur berkali-kali. Aku belum bersedia untuk menjadi statistik mangsa kemalangan udara seperti yang berlaku di Taiwan ketika pesawat dari syarikat penerbangan ini meletup di landasan.	Latar tempat: i. ii.